

## TINGKATAN 3 PERIBAHASA

### **Baik Hati**

Peribahasa	Maksud
Baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang	merendah diri lebih baik daripada bersikap sombong
Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sesekali	melakukan kebaikan biarlah berpatutan tetapi elakkan daripada berbuat jahat
Hidup kayu biar berbuah, hidup manusia biar berjasa	berbuat baiklah semasa hidup untuk diri sendiri dan masyarakat
Ibarat rumput yang sudah kering, ditimpa hujan segar kembali	orang miskin yang mendapat pertolongan
Kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau	orang yang berketurunan baik, ke mana-mana dia pergi akan baik juga jadinya
Umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul jua	orang yang baik biar di mana-mana sekalipun akan dimuliakan juga

### **Daya Usaha/ Kesungguhan/ Kerajinan**

Peribahasa	Maksud
Alah bisa tegal biasa	kerja yang sukar kalau selalu dilakukan akan menjadi mudah
Alang-alang menyeluk pekasam biarlah sampai ke pangkal lengan	setiap perbuatan yang dilakukan biarlah meraih hasil daripada perbuatan tersebut
Bagai lebah menghimpun madu	sangat rajin
Belakang parang kalau diasah, lagikan tajam	orang yang lemah atau bodoh jika berusaha dengan bersungguh-sungguh akan berjaya juga akhirnya
Cepat kaki, ringan tangan	rajin dan cepat bekerja
Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan	jika seseorang mempunyai cita-cita, dia akan berusaha dengan bersungguh-sungguh
Genggam bara api biar sampai menjadi arang	melakukan sesuatu biarlah sehingga mendapat hasil
Hati waja	tidak mudah berputus asa
Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih	jikalau ada kemahuan tentu ada cara untuk melakukannya, jika tidak mahu pelbagai alasan diberikan
Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya	kita hendaklah berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang dikehendaki
Malas bergarit perut perit	sikap malas berusaha akan mendatangkan kesusahan
Malu berkayuh perahu hanyut, malu bertanya sesat jalan	orang yang malas tidak akan maju
Mandi peluh	bekerja keras
Memeras otak	terlalu kuat berfikir atau belajar

Mengasah bakat	latihan untuk mengembangkan bakat
Sambil menyelam minum air	membuat dua pekerjaan dalam satu masa
Sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain	apabila bersabar melakukan sesuatu, lama-kelamaan akan berhasil juga
Seperti anai-anai makan kayu	mengerjakan sesuatu pekerjaan dengan tekun dan rajin
Ulat buku	orang yang suka membaca buku
Yang bulat tidak akan bergolek, yang pipih tidak datang melayang	sesuatu yang dihajatkan mestilah diikuti dengan usaha kerana kejayaan tidak datang dengan sendirinya

### **Semangat Bermasyarakat/ Kekeluargaan/ Perhubungan**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Air dicencang tidak akan putus	hubungan persaudaraan yang tidak akan putus walaupun berlaku perpecahan/ perselisihan
Bagai beliung dengan asahan	perhubungan yang akrab
Biduk berlalu kiambang bertaut	dua pihak yang bergaduh akan berbaik-baik semula apabila tiada penghasutnya
Buang yang keruh ambil yang jernih	melupakan perkara yang tidak baik dan mengingati perkara yang baik sahaja
Carik-carik bulu ayam lama-lama bercantum juga	adik-beradik yang bergaduh akan berbaik semula
Darah daging	anak atau saudara-mara daripada keturunan sendiri
Enggang dengan enggang, pipit sama pipit, baru dapat terbang bersama	perhubungan yang sama taraf
Hilang di mata di hati jangan	walaupun berjauhan, tetap ingat di hati
Ibarat telur semangkuk, pecah sebiji, pecah semua	jika seseorang ahli dalam sesuatu kumpulan mendapat susah, ahli yang lain juga turut merasai kesusahannya
Jauh bau bunga, dekat bau tahi	kaum keluarga yang berjauhan akan rindu-rinduan tetapi apabila berdekatan akan berkelahi
Mati anak berkalang bapa, mati bapa berkalang anak	anak dan bapa saling bertolongan
Melentur buluh biarlah daripada rebungnya	mendidik seseorang wajar dilakukan semenjak kecil
Seperti isi dengan kuku	hubungan yang sangat akrab

### **Penyesalan**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Ikut hati mati, ikut rasa binasa	orang yang mengikut nafsu akan musnah akhirnya

Nasi sudah menjadi bubur	perbuatan yang terlanjur dan tidak dapat diubah kembali
Sekali jalan kena, dua kali jalan tahu	setelah melakukan kesilapan sekali, seseorang itu sentiasa beringat agar kesilapan lalu tidak berulang
Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna	kita hendaklah berfikir dahulu sebelum melakukan sesuatu agar tidak menyesal pada hari kemudian
Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan	sekiranya terlanjur dalam melakukan sesuatu kesalahan, eloklah insaf dengan segera
Sudah terhantuk baru tengadah	sesudah ditimpa kemalangan, baru hendak beringat-ingat
Takut akan bayang-bayang sendiri	rasa takut kerana bersalah

### **Berhati-hati/ Teliti/ Berjimat Cermat**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Air yang tenang jangan disangka tiada buaya	orang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut
Alah membeli, menang memakai	biarlah barang yang dibeli mahal asalkan tahan lama
Benang jangan putus, tepung jangan berselerak	sesuatu kerja hendaklah dilaksanakan dengan hati-hati agar selamat
Berjalan pelihara kaki, bercakap pelihara lidah	melakukan sesuatu kerja dengan berhati-hati
Berkata peliharakan lidah	hati-hati dengan setiap pertuturan
Berkata siang melihat-lihat, berkata malam mendengar-dengar	seseorang itu perlulah berhati-hati apabila berbicara tentang sesuatu perkara
Biar titik jangan tumpah	lebih baik rugi sedikit daripada rugi banyak
Biar lambat asalkan selamat	melakukan sesuatu pekerjaan biarlah berhati-hati supaya hasilnya baik
Cencaru makan petang	pekerjaan yang lambat tetapi mendatangkan hasil yang baik
Daripada segenggam jadi segantang	daripada sedikit lama-lama menjadi banyak
Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis	selalu berwaspada dan berhati-hati
Memasang telinga	mendengar dengan sungguh-sungguh dan teliti
Menarik rambut di dalam tepung	teliti semasa menyelesaikan sesuatu masalah
Rosak badan kerana mulut	seseorang akan menerima akibat buruk jika tidak pandai mengawal tutur kata
Sediakan payung sebelum hujan	berjaga-jaga sebelum ditimpa bencana
Seperti air di dalam kolam	orang yang bersifat tenang
Tepuk dada tanya selera	sesuatu pekerjaan yang dilakukan hendaklah

	difikirkan baik-baik
Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya	berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti akan menyinggung perasaan orang lain

### **Keberanian**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Berani buat berani tanggung	bertanggungjawab terhadap sesuatu yang dilakukan
Berani kerana benar, takut kerana salah	berani kerana berada di pihak yang benar
Cacing yang hendak menjadi naga	orang kecil yang hendak menyamai orang besar
Membujur lalu melintang patah	tidak menghiraukan halangan/masalah
Pantang berundur sebelum berjuang	tidak mudah berputas asa sebelum berjaya
Pantang mati sebelum ajal	tidak akan tewas; berundur sebelum masanya

### **Permuafakatan/ Bekerjasama**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Bagai aur dengan tebing	tolong-menolong antara satu sama lain
Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing	kerja yang berat atau yang susah akan menjadi senang dan mudah sekiranya dilakukan bersama-sama
Bulat air kerana pemetung, bulat kata kerana rmuafakat	mencapai kata sepakat
Hati gajah sama dilapah, hati nyamuk sama dicecah	pengagihan yang sama banyak
Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua	orang yang bermuafakat akan sehidup semati dan tidak berubah kesetiannya
Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni	perhubungan yang sangat akrab, susah senang ditanggung bersama
Muafakat membawa berkat	sikap bekerjasama membawa kebaikan kepada semua
Ringan tangan	suka membantu
Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing	sikap bekerjasama dalam melakukan sesuatu pekerjaan sama ada yang berat atau ringan

### **Kepatuhan/ Kesetiaan**

<b>Peibahasa</b>	<b>Maksud</b>
Air orang disauk, ranting orang dipatah, adat orang diturut	hendaklah patuh kepada undang-undang negeri yang didiami
Biar mati anak, jangan mati adat	adat resam yang tidak boleh dilanggar atau dibelakangkan

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung	kita hendaklah mengikuti undang-undang atau peraturan tempat kita menetap
Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah	semasa hidup mengikut peraturan atau adat, apabila sudah mati terserah kepada hukum Tuhan
Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri	walaupun kelebihan di negara orang banyak, namun negara sendiri tetap lebih baik lagi
Jika kerbau dipegang talinya, manusia dipegang janjinya	janji mesti ditepati
Seperti kerbau dicucuk hidung	seseorang yang menurut sahaja kemahuan orang lain

### **Semangat Patriotisme/ Cinta akan Negara**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Seperti belut pulang ke lumpur	orang yang kembali ke tempat asalnya setelah lama merantau
Seperti gagak pulang ke benua	orang yang pulang ke tempat asal
Seperti ikan pulang ke lubuk	orang yang pulang ke tempat asal
Setinggi bangau terbang, hinggap di belakang kerbau juga	sejauh manapun seseorang itu merantau, dia akan kembali ke tempat asalnya juga

### **Perbuatan yang Tidak Berfaedah**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Ada sampan hendak berenang	sengaja menyusahkan diri sendiri
Ayam terlepas, tangan bau tahi	kejahatan tidak mendatangkan hasil, melainkan malu semata-mata
Omong kosong	percakapan yang tidak ilmiah
Ikut hati mati, ikut mata buta	mengikut kehendak nafsu akan membawa padah.
Laksana pohon kayu tidak berbuah	ilmu yang tidak diamalkan
Membuang garam ke laut	menolong seseorang yang tidak perlu ditolong
Mencurahkan air di daun keladi	memberikan nasihat yang sia-sia
Menjerat leher sendiri	membuat pekerjaan yang merugikan diri sendiri
Yang dikejar tidak dapat, yang dikendong bercirikan	keuntungan yang diharapkan tidak diperoleh, sedangkan yang telah ada hilang pula

### **Rasional**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Ada akal	mempunyai cara untuk menyelesaikan sesuatu masalah

Akal budi	fikiran yang sihat
Cari akal	berikhtiar untuk menyelesaikan sesuatu perkara
Jangan bercermin di air keruh	perbuatan yang negatif janganlah ditiru
Ke tengah boleh, ke tepi pun boleh	orang yang dapat menyesuaikan diri dalam semua keadaan
Mencari jalan	mencari akal atau idea ketika melakukan sesuatu

### **Kepentingan Ilmu**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Cahaya hidup	panduan hidup
Diam ubi berisi	diam orang yang berilmu sedang berfikir
Ilmu itu pelita hati	manusia yang berilmu hatinya akan tenang dan hidupnya tenteram
Jauhari juga yang mengenal manikam	orang yang bijaksana sahaja yang mengetahui kelebihan sesuatu ilmu
Kalau kail panjang sejengkal, lautan dalam jangan diduga	sekiranya tiada ilmu untuk melakukan sesuatu lebih baik jangan melakukannya
Membaca jambatan ilmu	membaca dapat meluaskan pengetahuan

### **Kepentingan Masa**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Bertangguh itu pencuri masa	tidak wajar berlengah-lengah apabila melakukan sesuatu kerana membazirkan masa
Kita mesti menepati waktu, waktu tidak menanti kita	manusia tertakluk kepada ketentuan masa untuk melakukan sesuatu, masa yang terlepas tidak akan kembali lagi

### **Kesesuaian/ Kesepadanan**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Bagai bulan dengan matahari	pasangan yang sepadan
Bagai pinang dibelah dua	pasangan pengantin yang secocok
Cacing hendak menjadi naga	orang kecil hendak menyamai orang besar
Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi	sama taraf: sepadan
Enggang sama enggang, pipit sama pipit	bersahabat dengan orang yang sama taraf

### **Berbudi/ Berhemah Tinggi**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Baik sangka	berpendapat orang lain baik
Biar buruk kain dipakai, asal pandai mengambil hati	budi bahasa lebih penting daripada kekayaan
Daripada pohon dikenal buahnya	melalui tingkah laku atau perangai seseorang dapat diketahui peribadinya
Hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga	budi baik tidak dilupakan walaupun seseorang itu sudah meninggal dunia
Harga diri	kehormatan diri
Hidung tinggi	sombong atau angkuh
Ikut resmi padi, makin berisi makin menunduk	seseorang yang semakin merendah diri walaupun berpangkat
Kata biar dikota	janji mestilah ditepati
Membalas budi	membalas jasa dan berterima kasih
Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa	kita hendaklah membalas pemberian orang dan perlu mengucapkan terima kasih
Ukur baju di badan sendiri	membuat sesuatu kerja biarlah berpadanan dengan kebolehan dan kemampuan diri sendiri

### **Kasih Sayang**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Air yang dingin juga yang dapat memadamkan api	kata-kata yang lemah lembut saja yang dapat meredakan kemarahan seseorang
Bagai menjaga intan dicanai	kasih sayang yang teramat sayang
Mabuk kepayang	dilamun cinta sehingga terganggu fikiran
Karam sambal oleh belasan	seseorang yang dikasihi telah merosakkan harta yang diberikan kepadanya tetapi ia tetap disayangi
Menatang minyak yang penuh	dijaga dengan sempurna kerana sangat dikasihi
Tatang di anak tidak	terlalu kasih akan anak dan isteri

### **Berdikari**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Kalau pandai meniti buih, selamat badan sampai ke seberang	orang yang pandai membawa diri, di mana-mana pun pergi tentu hidupnya selamat
Ke tengah boleh, ke tepi pun boleh	seseorang yang pandai menyesuaikan diri
Pandai menyelam air dangkal	orang yang pandai membawa diri
Timba air mandikan diri	berusaha sendiri dengan tidak mengharapkan pertolongan orang lain

### **Hormat-menghormati**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Menjaga hati	bertolak ansur dan saling menghormati
Yang tegak disokong, yang lemah ditopang	orang kaya yang dimuliakan, sedangkan orang miskin diberikan pertolongan

### **Keadilan**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Duduk dengan cupak dan gantang	ketua yang adil
Menarik rambut di dalam tepung	menyelesaikan masalah dengan adil agar tidak menyinggung perasaan sesiapa
Seduit dibelah tujuh	pembahagian yang sama rata
Umpama jari di tangan, ada bercincin ada tidak	hukuman yang kurang adil

### **Kebebasan**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Diberi berpadang luas	seseorang diberikan kebebasan sepenuhnya
Nafsu-nafsi beraja di mata, bersultan di hati	orang yang bebas untuk melakukan apa-apa sahaja
Orang berdendang di pentasnya, orang beraja di hatinya	setiap orang berkuasa di rumah masing-masing
Tepuk dada tanya selera	terpulanglah kepada diri sendiri untuk membuat keputusan

### **Kebersihan Fizikal dan Mental**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Putih bagai kapas dibusar	putih bersih
Seperti emas disepuh	rupa seseorang gadis yang sangat cantik, bersih, dan lembut kulitnya
Seperti gading dilarik	rupa yang bersih dan licin
Tiada gading yang tidak retak	walaupun elok seseorang itu, sedikit sebanyak ada juga cacatnya

### **Kejujuran**

<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>
Disuruh pergi dipanggil datang	orang yang taat menurut perintah
Putih kapas boleh dilihat, putih hati bagaimana	kejujuran seseorang hanya dapat dilihat pada perangai atau tingkah lakunya sahaja, tetapi hati tidak diketahui